

Yang Dini dan Yang Kini: Kisah Dua Naskhah

Rusli Abdul Ghani
(rusli@dbp.gov.my)

Bahagian Penyelidikan Bahasa
Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia
(<http://www.dbp.gov.my>)

Abstrak

Kertas kerja ini meneliti secara khusus dua buah teks; yang pertama, *Sejarah Melayu*, merupakan contoh teks awal bahasa Melayu yang dianggap sesetengah sarjana sebagai sebuah karya agung, manakala teks yang kedua ialah sebuah buku yang relatif baru (terbit 1989) yang memperkatakan tentang sejarah kesultanan Melaka. Penelitian dilakukan dengan menggunakan pendekatan linguistik korpus dengan tumpuan khusus terhadap profil atau binaan leksikal (bukannya aspek wacana) masing-masing teks. Matlamat utama kajian adalah untuk memperlihatkan kemampuan linguistik korpus dalam menampilkan aspek-aspek struktur dan penggunaan bahasa secara lebih tuntas dan pantas.

1.0 Pengenalan

Pemanfaatan korpus untuk penelitian bahasa sememangnya sudah lama diamalkan. Seawal 1747 lagi, Samuel Johnson menggunakan teks-teks autentik untuk mendapatkan contoh penggunaan sebenar bahasa Inggeris bagi menyusun kamus *Dictionary of the English Language* (terbit pada 1755). Pada lewat 1800-an, sebilangan teks telah mulai dikumpulkan sebagai persediaan awal penyusunan *Oxford*

English Dictionary. Justeru itu, penggunaan korpus dalam penelitian bahasa bukanlah sesuatu yang asing mahupun baru kerana metodologi penelitian ini sudah lebih tiga dekad mengakar, bermula dengan pembinaan Brown Corpus oleh Kučera dan Francis (1967).

Pelbagai aspek tatabahasa, leksiko-tatabahasa dan ciri wacana boleh dikaji dengan menggunakan korpus. Korpus juga boleh dimanfaatkan untuk mengkaji ciri varieti bahasa atau ciri teks seperti laras, stilistika dan linguistik sejarawi (untuk aspek-aspek kajian khusus dalam linguistik korpus lihat sebagai contoh Boguraev dan Briscoe 1989; Butler 1992; Kennedy 1998; Thomas dan Short 1996.).

Dalam kertas kerja ini kami sekadar menumpukan perhatian terhadap aspek leksiko-semantik dengan meneliti pola kaitan unit-unit leksikal dalam teks.

2.0 Asas Teoretis

Analisis berasaskan korpus dalam pengertian moden mempunyai ciri-ciri utama seperti yang berikut;

- bersifat empiris, kerana meneliti pola penggunaan dalam teks sebenar;
- bersifat objektif apabila himpunan teks, atau korpus, yang pelbagai jenis dan besar saiznya digunakan dalam penelitian; dan yang membezakannya daripada kajian korpus terdahulu,
- bersandarkan pemprosesan dan teknik linguistik komputeran untuk analisis, lantaran lebih praktis dan tuntas kerana sebahagian besar kerja analisis diautomatikkan.

Namun, kajian korpus tidak harus dilihat sebagai penyelesaian segala masalah kebahasaan tetapi harus dilihat sebagai “...a complementary approach to more

traditional approaches, rather than as the single correct approach.” (Biber et al. 1998:9–10)

3.0 Data

Data yang kami gunakan untuk penelitian ini terdiri daripada data teks lama dan baru. Teks lama terdiri daripada teks *Sejarah Melayu* manakala teks baru terdiri daripada buku *Sejarah Kesultanan Melaka*.

Jenis dan Saiz Data Teks

Jenis Teks	Saiz (jumlah perkataan)
1. Sejarah Melayu	74,000
2. Sejarah Kesultanan Melaka	100,000

Saiz data yang diteliti kelihatan agak sederhana, namun dianggap cukup untuk memperlihatkan pola leksikal dan mampu menjadi contoh kepada metodologi linguistik korpus.

4.0 PEMROSESAN, DAPATAN DAN ANALISIS

Semua data diproses dengan menggunakan perisian analisis teks untuk mendapatkan maklumat seperti senarai kata, kekerapan butiran leksikal, kolokasi dan maklumat leksikal yang lain. Aspek makna pula diteliti berdasarkan baris konkordans setiap butiran.

4.1 Senarai dan Kekekapan Kata

Jadual di bawah memaparkan 30 butir leksikal yang paling kerap daripada 6,700 jenis kata (atau *type*) yang terdapat dalam teks *Sejarah Melayu* (74,000 jumlah perkataan atau *token*) dan daripada 9,300 jenis kata yang terdapat dalam *Sejarah Kesultanan Melaka* (100,000 jumlah perkataan).

SEJARAH MELAYU	KEKERAPAN	SEJARAH KESULTANAN MELAKA	KEKERAPAN
MAKA	4417	DAN	4054
ITU	1975	YANG	3844
PUN	1834	MELAKA	1629
RAJA	1427	DI	1395
KE	1073	DENGAN	1386
SULTAN	1036	INI	1340
ORANG	997	DALAM	1122
YANG	942	RAJA	1035
BAGINDA	922	MELAYU	968
DAN	891	OLEH	851
TUN	889	ITU	803
PADA	862	SEJARAH	737
SEGALA	839	UNTUK	699
OLEH	809	PADA	697
SETELAH	758	DARIPADA	665
AKAN	722	TELAH	613
SYAH	711	SULTAN	593
SERI	677	ORANG	578
DI	669	DARI	562
DENGAN	602	MENJADI	538
BENDAHARA	590	TIDAK	536
TIADA	555	SEBAGAI	519
KATA	498	KE	506
DATANG	402	ATAU	503
TUAN	397	JUGA	499
ANAK	385	BAHAWA	454
IA	380	SEPERTI	419
HAMBA	377	ADALAH	402
KEPADA	356	TRADISI	366
MAHMUD	338	TENTANG	357
MELAKA	334	UNDANG-UNDANG	353

Daripada senarai di atas, apa yang jelas kelihatan ialah betapa kerapnya (sekitar 4,400 dalam 74,000 atau 1 dalam setiap 17 kata) ‘MAKA’ dalam teks *Sejarah Melayu*. Dalam teks moden (*Sejarah Kesultanan Melaka*) pula ‘MAKA’ jauh kurang kerap (sekitar 300 dalam 100,000 atau 1 dalam 333 kata) berbanding dengan teks lama.

Hakikat ini mungkin mencirikan teks lama dan baru. Namun, bukan sekadar kekerapan yang perlu diperhatikan tetapi penggunaan butir leksikal itu sendiri di dalam teks. Untuk meneliti penggunaan, kita perlu menggunakan satu lagi teknik linguistik korpus, iaitu kolokasi.

4.2 Kolokasi

Kolokasi merupakan hubung kait sesuatu butir leksikal dengan butir-butir leksikal lain di sekitarnya. Dalam kes ‘MAKA’ maklumat kolokasinya akan memperlihatkan taburan makna dan penggunaan perkataan tersebut. Perhatikan kolokasi ‘MAKA’ bagi teks *Sejarah Melayu* dan *Sejarah Kesultanan Melaka* seperti dalam Jadual di bawah

Sejarah Melayu

1 KIRI		1 KANAN	
Itu	338	Kata	347
Syah	78	Baginda	196
Melaka	65	Oleh	195
Baginda	59	Titah	188
Datang	42	Tun	156
Orang	39	Raja	154
Hatta	34	Segala	150
Namanya	30	Sembah	141
Raja	29	Ia	97
Aldiraja	28	Bendahara	81
Bendahara	27	Seri	71
Lengkap	27	Sahut	67

Sejarah Kesultanan Melaka

1 KIRI		1 KANAN	
Itu	12	Ia	11
Melaka	11	Sultan	11
Ini	10	Baginda	10
Tersebut	7	Raja	9
Sendiri	5	Tidak	6
Baginda	3	Kata	5
Inilah	3	Melaka	5
Juga	3	Pada	5
Kerajaan	3	Seri	4

4.3 Konkordans

Daripada baris-baris konkordans, kita dapat melihat konteks penggunaan ‘MAKA.’

Contoh baris konkordans untuk ‘MAKA’ dalam Sejarah Melayu adalah seperti di bawah:

duli!" Maka Sang Setia naik menyembah Sultan Muzaffar	10985
durhaka?".Maka sembah Bendahara dan Laksamana,	5811
"Mengapa Mia Duzul?" Maka kata Mia Duzul, "Kita	6356
Embuhkah memandang emas?" Maka kata segala anak buah	8535
carikan Yang Dipertuan emas!" Maka kata Tun Nara	10258
orang menjerat gajah!" Maka sembah Seriwa Raja,	7592
"Mengapa orang itu gegak?" Maka sembah Tun Indera	4424
maka orang gempar?" Maka dipersembahkan oranglah	3880
Buah pelir gerang?" Maka kata wali itu, "Hei, Hang	7470
ribu dinar atasnya Radikah tuan hamba?" Maka sahut	181
nama tuan hamba?" Maka sahut perempuan itu, "Nama	5350
berani juga tuan hamba!" Maka kata Hang Hamzah,	5500
tuan hamba!" Maka segala hamba raja itu hendak gusar,	6775
dengan hamba?" Maka sembah orang yang menghadap itu,	7116
maka katanya, "Kasihkah tuan hamba akan hamba?" Maka	7787
ada emas tuan hamba?" Maka kata Raja Mendaliar,	8526
harganya?" Maka kata yang empunya demikian-demikian	8790
hitam!" Maka Laksamana tersenyum; ditinggalkannya	9582
anak Orangkaya Hitam?" Maka sembah Seri Nara	3263
adat hulubalang dipanggil samanya hulubalang?" Maka	6039
tiada ia?" Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Baliklah,	10175
indah?" Maka sembah Sultan Husain, "Banyaklah yang	10069
utus yang pandai demikian ini?" Maka dibuka oleh	1262
bertanya, "Kapal dari mana ini?" Maka sahut orang	1787
padanya, katanya, "Apa nama negeri ini?" Maka sahut	1835
ini?" Maka sahut Merah Silau, "Hambalah pengetuanya	1838
Raja ini?" Maka titah, "Semalam kita bermimpi	2500
"Bendaharalah empunya pekerjaan ini!". Maka sekalian	3027
ini?" Maka sembah Tun Telanai, "Mangkubumi kepada	3454
hanyut pada sekeping papan ini?" Maka sahut budak	3574
tuanku tiada keluar dua tiga hari ini?" Maka titah	3706
larangan ini!" Maka kata Hang Kasturi, "Baiklah".	3867
titah Sultan Mansur Syah, "Apa rasuk ini?" Maka	4406

ini?"	167Maka sembah Tun Perpatih Putih, "Itulah,	4553
daripada ini?"	Maka kata Tuan Makhdum Mua,	5211
Mamad, "Siapa kamu ini dan orang mana kamu ini?"	Maka	5346
dalam negeri Siak ini?"	Maka Sultan Ibrahim dan	6151
orang Haru ini!"	Maka kata Seri Bija Aldiraja, "Sabar	6308
ini?"	Maka kata Bendahara Perempuan, "Dastar anu itu	7132
raja besar daripada Raja Pahang ini?"	Maka kata si	7757
gajahku ini!"	Maka segala hulubalang pun tunduk,	7933
katanya, "Bunyi apa ini, seperti guruh ini?"	Maka	8422
pun adakah sudah melihat anakanda ini?"	Maka sahut	8473
"Daging apa ini?"	Maka kata orang yang mengantar itu,	8570
apatah ini? Sudah tepok dan lasa ini!"	Maka	8768
ini?"	Maka sembah segala pegawai, "Tiada patik	9390
datang ini?"	Maka sahut Paduka Tuan, "Beta datang ini	9820
Bintan ini!"	Maka oleh baginda itu disayungnya tangan	9972
Feringgi ini!"	Maka kata Paduka Tuan, "Baiklah!" Maka	10153
pergi dari negeri ini!"	Maka kata Raja, "Nantilah!	10412
alamatnya tuan hamba itu?"	Maka sahut ketiga orang	823
itu?"	Maka sembah Demang Lebar Daun, "Tuanku, segala	913
mana itu?"	Maka titah Seri Teri Buana, "Hendaklah	924
mengapatah maka diberi malu demikian itu?"	Maka Sang	2359
itu?"	Maka kata Raja Tengah, "Kalam hamba seperti	2505
sekalian karang surat seperti titah itu?"	Maka	3423
itu?"	Maka sahut orang, "Anakanda sudah mati,	5004
ditabalkan utusan itu?"	Maka sembah Penghulu Bujang	5253
Hang Isak, "Tunggu olehmu peti itu!"	Maka sembah	5915
bertanya, "Apa gempar itu?"	Maka sambut orang,	6089
Husain seperti kata yang dahulu itu?"	Maka Tun	7335
ahmak itu?"	Maka demikian, maka Makhdum gusar	8161
ditanya, "Apa ditangiskan budak-budak itu?"	Maka	8558
katanya, "Siapa kamu di luar pintu itu?"	Maka sahut	8644
"Langgarkan aku pada Feringgi itu!"	Maka tiada diberi	9055
Laksamana menafahus dia itu!"	Maka kata Laksamana,	9560

Dapat ditafsirkan daripada baris-baris ini bahawa kebanyakan konteks penggunaan 'MAKA' adalah dengan maksud "sudah itu lalu, dan (dipakai utk memulakan ayat)" seperti yang ditakrifkan dalam *Kamus Dewan*;

maka 1. sl lalu, sudah itu lalu, dan (dipakai utk memulakan ayat): ~ *fakir namanya hikayat ini Sulatul-Salatin yakni peraturan segala raja-raja; apabila dilihatnya lanun-lanun sudah pergi semuanya, ~ pemuda itu pun keluarlah dr tempat bersembunyinya; 2.* = ~ itu, ~nya = ~ dari itu sebab itu, kerana itu: *kerana terlalu susah hidupnya, ~ terpaksa dia pindah ke tempat lain; 3.* *bahawa: itulah sebabnya ~ dia gagal dlm peperiksaan itu; 4.* = ~ nya dgn sebab itu: *dgn bermain ombak dan membiasakan diri menempuh gelora itulah ~nya penyakit mabuk laut akan hilang.*

Tidak demikian halnya dengan ‘MAKA’ dalam *Sejarah Kesultanan Melaka*.

Baris-baris konkordans ‘MAKA’ dalam teks ini kebanyakannya menunjukkan makna

“sebab itu, kerana itu” atau “bahawa.” Perhatikan contoh di bawah;

genrenya itu sendiri,	maka	tentulah kedua-duanya	226
Alfonso de Albuquerque sendiri,	maka	terbinalah watak	672
ekonomi dan ketenteraan laut. Maka	tercetuslah		15648
dan keperluan tempatan tersebut,	maka	terjadilah	13
pengarangan yang sedemikian,	maka	terjadilah	4932
dan fizikal. Maka	terjadilah	perbezaan semangat dan	16193
ini tidak dapat dicapai	maka	terpaksa dan keraplah	404
	maka	terpelihara segala raja-raja itu dengan	6607
menjadikan syahbandar,	maka	terpeliharalah segala	12970
"Alkisah	maka	tersebutlah perkataan Raja Kampar	1523
"Adapun jikalau ia mencuri,	maka	tertangkap	9316
"Adapun jikalau ia mencuri,	maka	tertangkap	10141
tuntut kematian ayahandamu."	Maka	tiada berapa	3371
yang mungkin menyimpan,	maka	tiada siapa yang mahu	6801
tersendiri,	maka	tidak ada satu naskhah dan versi	197
bersifat zalim,	maka	tidak hairanlah jika semasa	1785
yang telah disebutkan itu,	maka	tidak hairanlah pada	2223
sejarah,	maka	tidak ada sebab pengarang atau perawi	3778
Muluk) sanggup berperang untuk Melaka,	maka	tidak ada	8411
oleh Sejarah Melayu,	maka	tidak dapat ditolak	13921
memiliki berkat,	maka	timbullah kalimat "... dengan	6745
oleh orang Melayu	maka	tindakan antiaulaulat itu lenyap	15978
	Maka	titah Sultan Mahmud Syah kepada kedua	2141
Telah datang sekaliannya,	maka	titah Sultan	5172
anak baginda ...	Maka	titah Sultan Mansor Syah pada	5211
mendapat maklumat tentang Sultan Mahmud,	maka	Tome	604
istana,	maka	tradisi penggantian ini dinafikan.	1793
Dipertuan Sakti di kepalanya.	Maka	Tuan Puteri	3377
dengan isterinya,	maka	Tun Biajid pun menimang-nimang	1912
atau penyusun teks,	maka	unsur yang ditafsirkan	3042
sendiri	maka	unsur kudus, luhur dan suci tetap terus	7127
melaksanakan arahan dengan berkesan.	Maka	unsur	16136
pihak. Oleh yang demikian,	maka	untuk menjayakan	7214
Ta'ala serta sudah sampai janjinya,	maka	Upu Daeng	3275
Dengan adanya hamba ini,	maka	usaha	13237
kalangan masyarakat tersebut,	maka	wujud keadaan yang	14317
berperaturan	maka	wujudlah bidang pentadbiran dan	5942
	maka	wujudlah jawatan Temenggung untuk mengawasi	6522
kehendak-kehendak semasa.	Maka	wujudlah beberapa	15858
	maka	wujudlah pelabuhan-pelabuhan dagang yang	16306
	maka	yang sering kita fahamkan dan ertikan sebagai	9036

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini secara ringkas memaparkan sebahagian manfaat penggunaan korpus dan penerapan linguistik korpus dalam ranah penelitian leksikal, baik yang lama mahupun yang baru, yang dini mahupun yang kini.

Bibliografi

- Atkins, S., Clear, J. dan Ostler, N. 1992. 'Corpus Design Criteria.' *Literary and Linguistic Computing* 7:1–16.
- Boguraev, B. dan Briscoe, T. (editor) 1989. *Computational Lexicography for Natural Language Processing*. Wiley: New York & Longman: London.
- Boguraev, B. dan Briscoe, T. (editor) 1996. *Corpus Processing for Lexical Acquisition*. A Bradford Book, The MIT Press: Cambridge, Massachusetts & London, England.
- Butler, C.S. (editor) 1992. *Computers and Written Texts*. Blackwell: Oxford.
- Garside, R., Leech, G. dan McEnery, A. (ed) 1997. *Corpus Annotation*. Longman: London & New York.
- Kennedy, G. 1998. *An Introduction to Corpus Linguistics*. Longman: London & New York.
- Kučera, H. dan Francis, W.N. 1967. *Computational Analysis of Present-Day American English*. Brown University Press: Providence, R.I.
- Oakes, M.P. 1998. *Statistics for Corpus Linguistics*. Edinburgh University Press: Edinburgh.
- Ooi, V.B.Y. 1998. *Computer Corpus Lexicography*. Edinburgh University Press: Edinburgh.
- Sinclair, J. 1991. *Corpus, Concordance, Collocation*. Oxford University Press: Oxford.

- Sinclair, J. 1996. "Preliminary Recommendations on Corpus Typology." EAG-TCWG-CTYP/P. Mei 1996. EAGLES. 23 Desember 2000
<<http://www.ilc.pi.cnr.it/EAGLES96/corpusyp/corpusyp.html>>
- Sinclair, J.M. (editor) 1987. *Looking Up. An Account of the COBUILD Project in Lexical Computing*. Collins: London/Glasgow.
- Summers, D. 1996. 'Computer Lexicography: The Importance of Representativeness in Relation to Frequency.' Dalam Thomas dan Short (ed.) *Using Corpora for Language Research*. hlm. 260–266.
- Thomas, J. dan Short, M. (ed) 1996. *Using Corpora for Language Research*. Longman: London & New York.
- Wilks, A.Y, Slaton B.M., dan Guthrie L.M. 1996. *Electric Words: Dictionaries, Computers, and Meanings*. MIT Press: Cambridge, Mass.